

KUALA LUMPUR 13 Dis. — Keperluan masyarakat dan negara akan diberi keutamaan dalam membentuk dasar pendidikan pada masa depan, kata Menteri Pendidikan yang baru dilantik, Senator Tan Sri Musa Mohamcd.

Katanya, sebelum menggubal dasar baru atau mengubahsuai dasar sedia ada perkara utama yang akan diberi perhatian ialah keperluan rakyat.

“Sudah tentu dalam merancang strategi masa depan, keperluan masyarakat perlu diteliti dan digabungkan dengan fakta-fakta pendidikan sebelum digubal polisi baru atau mengubahsuai polisi yang ada,” katanya.

Heliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis mengangkat sumpah sebagai senator di Dewan Ncgara, hari ini.

Jumaat lalu Perdana

Menteri Datuk Seri R. Mahathir Mohamad, mengumumkan pelantikan Musa sebagai Menteri Pendidikan menggantikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Di samping itu kata Musa, pelantikan beliau juga tidak bertujuan untuk menetralkan mana-mana pihak sebaliknya sekadar untuk mengembalikan profesionalisme dan asas-asas pendidikan.

Menurutnya, walaupun masih terlalu awal untuk bercakap tentang perancangan, namun setiap keputusan pada masa hadapan perlu berdasarkan fakta yang jelas.

Katanya, tugas pertama beliau ialah mengenal pasti setiap masalah secara mendalam serta mencari jalan mengatasinya.

Selepas itu katanya, beliau akan berusaha mempertingkatkan lagi sistem

bentuk dasar pendidikan — Musa

pendidikan negara sesuai dengan keperluan alaf baru.

“Itu cara ahli akademik. Buat keputusan berdasarkan fakta, selepas itu baru lakukan sesuatu yang sesuai,” jelasnya.

Pada masa yang sama kata Musa, beliau juga akan meneliti fakta-fakta berkaitan dengan mahasiswa yang dikatakan anti kerajaan.

Menurut beliau, sekira-

nya ia benar maka strategi tertentu akan disusun supaya golongan itu dapat kembali kepada tanggungjawab sebenar mereka sebagai mahasiswa di samping aspek-aspek kenegaraan.

Katanya, beliau tidak menghalang kebebasan mahasiswa untuk bersuara asalkan ia tidak mencestuskan keganasan.

Beliau berkata, bertindak liar dan merusuh bu-

kan sikap akademik atau pelajar.

Ditanya sama ada beliau akan dapat mengatasi sikap pelajar yang semakin lantang menentang kerajaan Musa menegaskan: “Saya tidak mahu datang ke kementerian dengan sangkaan tertentu.

“Tujuan saya bukan untuk diamkan orang, tetapi melihat pendidikan secara menyeluruh, bukan dari segi masalah tertentu.”

Mengenai kemungkinan beliau akan melibatkan diri dalam politik, Musa berkata pada masa sekarang beliau belum memikirkan perkara itu.

“Setakat ini jawapannya ialah tidak. Rancangan saya sekarang ialah untuk membuat sesuatu yang bermakna dalam masa tiga tahun saya dilantik. Kemudian... kira lainlah,” katanya.